

STRUKTUR BARU

Akaun	Peratus simpanan	Tujuan
Satu	70	Simpanan tetap
Dua	30	Perumahan Pendidikan Penyakit kritikal

STRUKTUR LAMA

Akaun	Peratus simpanan	Tujuan
Satu	60	Simpanan tetap
Dua	30	Perumahan Pendidikan
Tiga	10	Penyakit kritikal

* Berkuat kuasa 2 Januari 2007

Akaun pencarum KWSP distruktur semula

Um - 30 / 12 / 2006

KUALA LUMPUR 29 Dis. - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan melakukan penstrukturan semula akaun pencarum-pencarumnya berkuat kuasa 2 Januari 2007.

Langkah drastik ini dibuat KWSP untuk membantu pencarum mendapatkan jumlah simpanan persaraan yang lebih besar dan memperkemaskan pengeluaran perumahan, pendidikan dan kesihatan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Azlan Zainol berkata, penstrukturan itu nanti akan menyaksikan akaun ahli-ahli KWSP digabung menjadi dua berbanding

tiga akaun pada masa ini.

"Apabila digabungkan nanti, akaun satu akan menyimpan sebanyak 70 peratus simpanan tetap ahli manakala akaun dua sebanyak 30 peratus.

"Pada masa ini, ahli KWSP mempunyai tiga akaun iaitu akaun satu menyimpan sebanyak 60 peratus simpanan ahli, akaun dua (30 peratus) dan akaun tiga (10 peratus)," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

KWSP mempunyai 11 juta pencarum yang mana 5.6 juta daripadanya merupakan

■ Lihat muka 2

Akaun pencarum KWSP distruktur semula

pencarum aktif.

Jumlah terkumpul caruman KWSP ialah kira-kira RM270 bilion.

Mengikut struktur akaun KWSP sebelum ini, akaun satu ialah simpanan tetap yang hanya boleh dikeluarkan pada usia pencarum 55 tahun, akaun dua untuk pengeluaran perumahan dan pendidikan manakala akaun tiga untuk pengeluaran penyakit kritikal.

Azlan memberitahu, sebagai permulaan, akaun tiga yang sebelum ini digunakan untuk pengeluaran penyakit kritikal akan diserap ke dalam akaun dua yang kini boleh digunakan untuk pengeluaran perumahan dan penyakit kritikal.

Menurut beliau, caruman yang dibuat selepas penstrukturan baru itu pada 2 Januari 2007 akan disalurkan ke dalam akaun satu dan dua sahaja.

Katanya, simpanan dalam akaun satu hanya boleh dikeluarkan sepenuhnya oleh pencarum setelah mereka berumur 55 tahun.

"Ahli-ahli hanya boleh mengeluarkan simpanan daripada akaun satu untuk tujuan pelaburan sahaja tetapi hendaklah melalui pengurus dana luaran yang diluluskan KWSP," katanya.

Azlan mengingatkan para pencarum supaya merancang keutamaan pengeluaran prapersediaan dengan lebih berhati-hati kerana semua pengeluaran itu kini

dibuat daripada akaun yang sama iaitu akaun dua.

"Penstrukturan semula akaun ahli daripada tiga kepada dua akaun ini memberikan banyak manfaat kepada ahli dalam jangka masa panjang. Ia akan meningkatkan jumlah simpanan persaraan dan ahli mempunyai lebih kawalan terhadap simpanan mereka untuk kegunaan semasa," tambahnya.

Beliau menjelaskan, berkuat kuasa pada tarikh yang sama, KWSP akan membayar dividen sebanyak 2.5 peratus dahulu ke atas simpanan yang dikeluarkan bagi pengeluaran umur 55 tahun sebelum dividen 2006 diisytiharkan. Bakinya akan dibayar selepas kadar dividen sebenar diisytiharkan.